

09/09/1999

Dialog pelajar dengan PM di UKM

KUALA LUMPUR, Rabu - Lebih 4,000 pelajar universiti awam dan swasta berpeluang berdialog dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dalam perhimpunan 'Mahasiswa bersama Perdana Menteri' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Pemangku Ketua Perhubungan Awam UKM, Teh Raqamah Abdullah, berkata perhimpunan di Dewan Canselor Tun Abdul Razak mulai jam 2.30 petang itu membabitkan mahasiswa dari 11 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan empat IPTS.

Mengikut aturcara majlis, ucapan Perdana Menteri mengambil masa sejam sebelum sesi dialog diadakan untuk tempoh satu jam lagi.

Teh Raqamah berkata, Dr Mahathir akan berada di universiti itu selama sehari esok. Pada sebelah paginya, beliau dijadual merasmikan Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC.

Pusat teknologi itu adalah projek antara UKM dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) yang menyediakan khidmat perundingan dalam bidang bioteknologi dan bidang pembangunan teknologi lain meliputi bidang perniagaan, pengurusan dan teknikal.

Beliau berkata, pada majlis perasmian pusat itu nanti Perdana Menteri akan turut menyaksikan lapan perjanjian persefahaman ditandatangani antara UKM dengan syarikat swasta bagi projek perundingan penyelidikan pelbagai bidang.

(END)